



Malaysia wujudkan ekosistem pembangunan hijau

Oleh Essa Abu Yamin - Februari 15, 2023 @ 6:12pm
essabuyamin@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Malaysia kekal komited untuk beralih daripada penggunaan teknologi kepada pengeluaran teknologi untuk mewujudkan ekosistem yang kondusif demi pembangunan hijau negara.

Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata fokus kementerian adalah luas dan proses peralihan kepada tenaga boleh diperbaharui (RE) juga membawa faedah ekonomi, seperti peluang pekerjaan dan peningkatan keselamatan tenaga.

"Potensi jualan elektrik rentas sempadan masa hadapan dan aktiviti seperti perdagangan karbon juga akan menggalakkan pembangunan ekonomi serta sosial untuk negara.

"Perkara berkenaan akan membantu meletakkan Malaysia sebagai hab tenaga boleh diperbaharui bagi rantau ini dan menarik pelaburan asing ke dalam negara," katanya berucap pada Sidang Kemuncak Kuasa Digital Huawei Malaysia 2023 di Hotel W dekat sini, hari ini.

Nik Nazmi berkata, kementerian juga memerlukan mereka yang benar-benar berbakat dalam usaha peralihan ke arah teknologi hijau dan akan menjadikan industri berkenaan mendapat tarikan pekerja terutama golongan belia di Malaysia.

"Difahamkan Huawei sudah bekerjasama dengan rakan kongsi, termasuk Pusat Pembangunan Sumber Manusia Selangor (SHRDC) dan Pusat Kecemerlangan Teknikal Sarawak (CENTEXS) untuk merapatkan jurang bakat dalam bidang berkenaan.

"Kementerian juga berharap lebih banyak syarikat akan melangkah ke hadapan untuk melakukan perkara yang sama," katanya.

Nik Nazmi berkata, satu lagi kejayaan menarik ialah aplikasi Kepintaran Buatan (AI) dan Pembelajaran Mesin untuk mengoptimumkan dan meningkatkan prestasi sistem tenaga boleh diperbaharui.

"Penggunaan AI boleh membantu mengurangkan kos dan meningkatkan kecekapan sistem tenaga boleh diperbaharui.

"Sektor korporat juga digesa turut membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang terbabit dengan mereka bagi membantu mereka mengguna pakai RE dan teknologi hijau," katanya.